Buletin

MWPKL

مسجد وilayah persekutuan kuala lumpur

BIL.1 2026M | 1447H

EDARAN PERCUMA



Program Ziarah Mahabbah

POS Kuala Mu, Sungai Siput , Perak

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE TABUNG MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN

Bank Islam Malaysia Berhad | 14023010023833 | Tetuan Masjid Wilayah Persekutuan

DuitNow QR

buletin MWPKL Bil 1.indd 1 08/07/2026 10:45 AM

Dari meja Imam Besar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah SWT yang telah mengurniakan nikmat iman, Islam dan kesempatan untuk terus berkhidmat dalam memakmurkan rumah-rumah Allah. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, para sahabat sertaseluruh umat Islam yang istiqamah menegakkan syiar agama-Nya.

Penerbitan buletin ini merupakan medium penting dalam mendokumentasikan dan menyebarluaskan pelbagai aktiviti,program serta inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Masjid Wilayah Persekutuan sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2026. Buletin ini bukan sahaja menjadi rekod perjalanan dan pencapaian institusi masjid, bahkan menjadi bukti kesungguhan semua pihak dalam memperkasakan peranan masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan, dakwah dan khidmat kepada masyarakat.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, pelbagai program yang berteraskan pengimarahan masjid, pembangunan sahsiah, kebajikan dan pengukuhan ukhuwah telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat. Semoga segala usaha ini terus memberi manfaat dan menjadi pemangkin kepada pembentukan ummah yang berilmu,berakhlak dan bertaqwa.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja, jawatankuasa, sukarelawan,para penyumbang serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga, masa dan buah fikiran dalam menjayakan setiap agenda masjid. Mudah-mudahan segala pengorbanan yang dicurahkan dikurniakan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah SWT.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama meneruskan usaha memakmurkan masjid dan memperkukuhkan peranannya sebagai institusi yang menyatukan ummah serta menyebarkan rahmat kepada seluruh masyarakat. Semoga Allah SWT memberkati setiap langkah dan usaha kita dalam mendukung syiar Islam.

Sekian, terima kasih.

"Memakmurkan Masjid, Menyantuni Ummah"



Tuan Hj. Jamal Bin Abd Halim



HUBUNGI KAMI

Masjid Wilayah Persekutuan
Jalan Tuanku Abdul Halim
50480 Kuala Lumpur

www.masjidwilayah.gov.my
masjidwp@jawi.gov.my
03-62018791

WAKTU URUSAN
Isnin-Khamis - 8.00 pg - 4.30 ptg
Waktu rehat (1.00 tgh - 2.00 ptg)
Jumaat- 8.00 pg - 4.30 ptg
Waktu rehat (12.15 tgh - 2.45 ptg)

Sabtu / Ahad / Cuti Umum -Tutup

Sidang Redaksi

Penaung
Y.Bhg. Tuan Hj Hanifuddin bin Roslan
Pengarah
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Penasihat
Y.brs.Tuan Hj Jamal Bin Abd Halim
Iman Besar Masjid Wilayah Persekutuan

Pengarang
Mohd Shah Rizan Bin Ibrahim

Penyunting
Raudzoh Binti Hj Hamid
Nor hidayah binti Abu Bakar
Faten Nadia Binti Tuan Hussain

Jurufoto
Siti Khairina Binti Mustoha
Mohd Hisham bin Mat Zain@Mohd Zain

Edaran
Nizan Shah Bin Samsuri
Abdullah Bin Abdul Jalil

1 JANUARI 2026

TEMUDUGA BAGI PENGAMBILAN PELAJAR BARU KELAS PENGAJIAN ANJURAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN SESI 2026.







Sesi Temuduga Pengambilan Pelajar Baru Kelas Pengajian anjuran Masjid Wilayah Persekutuan bagi sesi 2026 telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Januari 2026, bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan. Program ini menjadi acarapembuka tirai bagi aktiviti masjid bagi tahun 2026. Sesi temuduga tersebut telah dihadiri oleh seramai 242 orang calon peserta,yang terdiri daripada 190 orang pelajar dewasa dan 52 orang pelajar kanak-kanak. Kesemua calon hadir bagi menduduki sesipenilaian sebelum terpilih untuk mengikuti pelbagai kelas pengajian yang ditawarkan oleh pihak masjid. Program ini bertujuanmemastikan proses pemilihan pelajar berjalan lancar serta menempatkan peserta mengikut tahap pengajian yang bersesuaiandemi memartabatkan ilmu fardhu ain dan al-Quran dalam kalangan masyarakat.

5 JANUARI 2026

KULIAH RAUDATUL JANNAH SIRI 1





Kuliah Raudatul Jannah Siri 1 telah berjaya dilaksanakan pada 5 Januari 2026 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Program ilmu ini telah menampilkan penceramah jemputan khas, Al-Fadhil Ustaz Muhadhir bin Haji Joll. Sesi kuliah tersebut telah memberikan pencerahan mendalam mengenai fadhilat serta kelebihan bulan Rejab, Syaaban, dan Ramadan, sebelum diteruskan dengan pengisian utama berkaitan bab tauhid. Program ini diakhiri dengan sesi ramah mesra dan jamuan makan tengah hari bersama para jemaah yang hadir. Penganjuran kuliah ini bertujuan untuk mempertingkatkan kefahaman ilmu agama serta mempersiapkan diri para jemaah dengan amalan terbaik dalam menyambut bulan-bulan mulia ini.

11 JANUARI 2026

PELANCARAN KELAS PENGAJIAN KANAK-KANAK 2026






Kuliah Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah berjaya mengadakan pelancaran Kelas Pengajian tahunan bagi sesi kanak-kanak dan dewasa. Sebagai permulaan, Kelas Pengajian Kanak-Kanak telah dilaksanakan pada 11 Januari 2026 (Ahad) bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Anjung B, Masjid Wilayah Persekutuan. Pihak urusetia telah memastikan setiap peringkat program berjalan dengan lancar dan mematuhi piawaian yang ditetapkan. Acara ini telah menerima sambutan yang amat positif daripada para peserta dan penjaga. Penganjuran kelas pengajian ini diharapkan dapat menjadi platform penting dalam membimbing golongan kanak-kanak serta dewasa bagi mengukuhkan kefahaman ilmu agama serta memantapkan amalan Islam dalam kehidupan seharian.

12 JANUARI 2026

PELANCARAN KELAS PENGAJIAN DEWASA MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN 2026






Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya mengadakan Majlis Pelancaran Kelas Pengajian Dewasa bagi sesi tahun 2026 pada 12 Januari 2026 (Isnin) bermula jam 6.00 petang hingga 10.00 malam. Program ini dirancang khusus untuk memberikan platform kepada golongan dewasa bagi mengukuhkan pengetahuan agama serta memantapkan pengamalan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Sepanjang pelancaran berlangsung, pihak urusetia telah menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan setiap perjalanan acara berjalan dengan lancar mengikut peraturan yang ditetapkan. Acara ini telah menerima sambutan yang amat memberangsangkan daripada para peserta yang hadir dengan penuh semangat untuk memulakan perjalanan pembelajaran mereka, dan pihak masjid merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan program ini.

15 JANUARI 2026

PROGRAM KUALA LUMPUR MUNAJAT ANJURAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN






Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menganjurkan Program Kuala Lumpur Munajat Sempena Hari Wilayah Persekutuan pada15 Januari 2026 bertempat di Masjid Wilayah Persekutuan, sebagai pengisian bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang bakal diraikan pada 1 Februari 2026. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama-sama warga kerja DBKL, agensi sahabat, dan warga kota untuk bersama-sama bermunajat, berzikir, serta berdoa memohon keberkatan dan perlindungan Allah SWT bagi kesejahteraan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini turut menampilkan bicara khas bertajuk "Membangun Wilayah, Membina Akar" yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Nadzri bin Mustakim, Imam Masjid Negara, yang menyentuh tentang kepentingan nilai spiritual dan integriti dalam membina wilayah yang berdaya tahan, di samping pengisian utama lain seperti zikir munajat, solat hajat, bacaan Yasin, serta sesi pengisian rohani yang bertujuan memperkukuh jati diri dan nilai kerohanian dalam kalangan warga kota.

30 JANUARI 2026

AGIHAN BAIT AL-RIZQ






Masjid Wilayah Persekutuan telah berjaya mengagihkan sebanyak 70 bungkus sumbangan Bait al-Rizq pada 30 Januari 2026, hasil usaha sama strategik dalam menyantuni golongan asnaf di bawah kariah Masjid Al-Muqarrabin dan Masjid Zaid bin Thabit. Program agihan ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan pihak masjid untuk mendekati serta meringankan beban golongan yang memerlukan melalui bantuan keperluan asas. Penganjuran program kebajikan ini diharapkan dapat memperkukuh jalinan ukhuwah antara institusi masjid di samping memastikan kebajikan dan kesejahteraan komuniti asnaf sentiasa terbela mengikut tuntutan syariat Islam.

8 FEBRUARI 2026
PROGRAM PENCARIAN PERMATA AL-QURAN







Masjid Wilayah Persekutuan telah berjaya menganjurkan Majlis Saringan Akademi Al-Quran Wilayah Persekutuan (AQWA) pada 8 Februari 2026. Program bertemakan "Pencarian Permata Al-Quran" ini telah disertai oleh seramai 70 orang peserta merangkumi golongan remaja dan dewasa yang tampil memperdengarkan mutu bacaan serta bakat masing-masing. Saringan ini menjadi platform penting untuk mengenal pasti calon qari dan qariah berbakat di sekitar Wilayah Persekutuan, dengan objektif utama untuk mengetengahkan potensi mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

IHYA RAMADAN
PROGRAM AULAD CARE





Sempena kehadiran bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Masjid Wilayah Persekutuan telah melancarkan Program Aulad Care sebagai sebahagian daripada pengisian kempen "Jom Jaya Ramadan". Program yang beroperasi dari jam 8.00 malam hingga 10.00 malam di Ruang Legar Aras 2, Anjung C ini bertujuan menyediakan ruang yang selamat, kondusif, dan menyeronokkan bagi kanak-kanak berusia 1 hingga 6 tahun. Pelaksanaan pada malam pertama telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ibu bapa, sekali gus membolehkan mereka menunaikan ibadah solat Tarawih dengan khusyuk dan tenang tanpa mengetepikan kebajikan serta keselesaan anak-anak.

IHYA RAMADAN
PROGRAM IFTAR RAHMAH MADANI





Sempena hari pertama Ramadan pada 19 Februari 2026, skuad Iftar Rahmah Madani Masjid Wilayah Persekutuan telah menyantuni masyarakat setempat dengan mengagihkan sebanyak 300 pek makanan berbuka puasa. Agihan tersebut disasarkan kepada penduduk sekitar kariah masjid yang terdiri daripada golongan asnaf, peniaga, orang awam, serta anggota unit beruniform. Menu lengkap yang disediakan pada hari tersebut merangkumi nasi putih bersama ayam masak sambal, sayur lemak kobis, buah tembikai, kurma, aneka kuih-muih, serta minuman.

IHYA RAMADAN
PROGRAM BUBUR LAMBUK DRIVE-THRU



Sebagai sebahagian daripada pengisian kempen "Jom Jaya Ramadan", Masjid Wilayah Persekutuan telah melaksanakan program agihan Bubur Lambuk Drive-Thru bertempat di kawasan parkir luar berhadapan medan selera masjid. Pelaksanaan hari pertama program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat. Sesi edaran bubur lambuk ini berlangsung selama 10 hari bekerja pertama sepanjang bulan Ramadan. Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyantuni orang awam bagi persiapan menyegerakan ibadah berbuka puasa, sekali gus menyemarakkan lagi syiar dan semangat mengimarahkan bulan suci ini.

IHYA RAMADAN
PENYEDIAAN FASILITI KIDS PLAYLAND



Bagi memberikan nilai tambah yang menarik sepanjang bulan Ramadan, Masjid Wilayah Persekutuan telah menyediakan fasiliti "Kids Playland" khusus buat kanak-kanak berusia 4 hingga 9 tahun. Kemudahan yang bertempat di kawasan masjid ini menawarkan pelbagai variasi permainan mainan angin yang selamat serta menyeronokkan dengan kadar bayaran yang berpatutan, iaitu RM5.00 bagi setiap 15 minit tempoh permainan. Inisiatif ini dilaksanakan bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang mesra keluarga, sekali gus memberikan pengalaman yang positif kepada kanak-kanak di samping membolehkan ibu bapa menumpukan perhatian kepada amal ibadah dan program Ramadan yang dianjurkan oleh pihak masjid dengan lebih tenang.

IHYA RAMADAN
PENGANJURAN BAZAR RAMADAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN



Masjid Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Bazar Ramadan yang beroperasi secara harian sepanjang bulan puasa bagi menyemarakkan lagi sambutan bulan suci tersebut. Penganjuran bazar ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran orang ramai yang hadir bukan sahaja untuk berbelanja, malah untuk bersama-sama mengimarahkan kawasan masjid. Inisiatif ini berjaya menyediakan kemudahan sokongan yang kondusif bagi para jemaah dan masyarakat setempat, sekali gus mewujudkan persekitaran mesra komuniti serta menjadi platform terbaik dalam mempererat tali silaturahim sesama pengunjung yang hadir.

IHYA RAMADAN
PROGRAM BUBUR LAMBUK DRIVE-THRU DENGAN KERJASAMA UEM SUNRISE



Pelaksanaan hari keenam bagi program Bubur Lambuk Drive-Thru di Masjid Wilayah Persekutuan berlangsung dengan penuh penyerian menerusi kolaborasi strategik bersama pihak UEM Sunrise. Program agihan yang diadakan di laluan pandu lalu parkir luar berhampiran Medan Selera ini telah dijayakan bersama sokongan daripada pasukan UEM Sunrise yang hadir bagi melancarkan lagi proses edaran. Menerusi kerjasama ini, sebanyak 500 bekas bubur lambuk telah berjaya diagihkan kepada para jemaah dan orang awam yang melalui kawasan masjid. Pihak Masjid Wilayah Persekutuan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UEM Sunrise atas sumbangan dan komitmen yang diberikan, sekali gus memperkukuh jalinan kerjasama antara institusi masjid dan sektor korporat dalam menyantuni masyarakat sepanjang bulan Ramadan.

IHYA RAMADAN
PROGRAM QIAMULLAIL DAN SAHUR



Sepanjang bulan Ramadan pada setiap hari Sabtu, Ahad dan 10 malam terakhir Ramadan bermula jam 4.15 pagi. Jamuan sahur disediakan kepada jemaah.

IHYA RAMADAN
SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran yang telah berlangsung dengan penuh barakah di Masjid Wilayah Persekutuan. Dewan solat utama dipenuhi jemaah yang hadir seawal waktu Asar untuk bersama-sama menghayati mukjizat Al-Quran. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran yang cukup syahdu oleh U staz Tirmizi bin Haji Ali, diikuti dengan kupasan bermakna serta Ceramah Khas Nuzul Al-Quran oleh Ustaz Muhamad Syaari bin Ab. Rahman.Sebahagian daripada pengisian utama Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran petang tadi juga adalah Majlis Penyampaian Sumbangan Bakul Makanan & Duit Raya kepada golongan yang memerlukan. Sesi serahan ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Operasi JAWI bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Wilayah Persekutuan. Syukur ke hadrat Allah SWT, sumbangan ini diharapkan dapat meringankan beban dan membawa kegembiraan buat para penerima dalam menjalani baki ibadah Ramadan serta persiapan menyambut Syawal yang bakal tiba.Terima kasih kepada semua pihak dan penyumbang yang telah menjayakan inisiatif murni ini. Semoga setiap sen dan keringat yang disumbangkan menjadi amal jariyah yang berlipat kali ganda pahalanya di sisi Allah SWT.

6 MAC 2026

MAJLIS KHATAM AL-QURAN







Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1447H. Majlis ini merupakan kemuncak kepada program tadarus yang telah dijalankan sepanjang bulan yang mulia ini. Majlis khatam telah dipimpin oleh Imam Jemputan Tarawih, Sheikh Abdel Rahman Eldesauky, manakala bacaan doa khatam pula dipimpin oleh Sheikh Rami Al-Badawi Samir. Kehadiran para peserta yang segak dan anggun mengenakan busana jubah berwarna putih telah menambah seri serta suasana tenang di dalam dewan. Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan, YBrs. Al-Fadhil Ustaz Jamal bin Abdul Halim, turut hadir bagi menyempurnakan ucapan perasmian serta menyampaikan saguhati kepada para peserta tadarus. Beliau turut memberikan penghargaan kepada barisan Ketua Pembimbing Tadarus yang telah banyak membantu melancarkan perjalanan sesi tadarus sepanjang Ramadan ini.Majlis berakhir dengan sesi bergambar kenangan sebelum para tetamu bergerak ke Dewan Muslimin bagi menikmati jamuan berbuka puasa secara berjemaah. Semoga semangat mencintai Al-Quran ini terus berkekalan dalam diri setiap jemaah walaupun Ramadan bakal melabuhkan tirainya tidak lama lagi.

12 MAC 2026

PROGRAM LAMBAIAN SYAWAL








Masjid Wilayah Persekutuan melalui Cawangan Khidmat Sosial dan Kebajikan (MWPKL) hari ini berjaya menganjurkan Program Lambaian Syawal 2026 bertempat di Dewan Serbaguna masjid. Program ini merupakan inisiatif murni dengan kerjasama strategik daripada Persatuan Sahabat Masjid, Persatuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAM'IYAH), serta Malaysian Aid Agency Sdn Bhd (MAA). Majlis bermula seawal jam 9.00 pagi dan telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Jamali bin Mohd Adnan, Timbalan Pengarah Operasi (JAWI). Dalam ucapan perasmiannya, beliau menekankan kepentingan semangat bantu-membantu dan menyantuni golongan yang memerlukan terutamanya dalam persiapan menyambut hari raya yang bakal tiba tidak lama lagi. Acara kemuncak program menyaksikan sesi penyampaian sumbangan yang diagihkan kepada golongan asnaf terpilih serta kakitangan syarikat Masjid Wilayah Persekutuan. Pemberian sumbangan dan cenderahati ini diharapkan dapat meringankan beban serta menyuntik kegembiraan buat para penerima untuk merayakan Aidilfitri dalam suasana yang lebih bermakna. Majlis berakhir dengan sesi bergambar sebagai tanda kenangan dan ukhuwah antara penganjur serta para penerima.

16 MAC 2026

MAJLIS PELANCARAN BARAKAH PIT STOP



Masjid Wilayah Persekutuan hari ini menjadi lokasi bagi Majlis Pelancaran Barakah Pit Stop, satu inisiatif kebajikan khas anjuran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Prihatin Insan Kuala Lumpur dan Selangor (PEKERTI). Majlis yang berlangsung di Anjung D masjid ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Menerusi kerjasama ini, satu ruang persinggahan yang selesa telah diwujudkan di kawasan masjid bagi memudahkan para rider p-hailing berehat seketika serta menikmati kemudahan yang disediakan. Dalam majlis yang sama, MAIWP turut menyerahkan cek cura berjumlah RM105,000 kepada pihak PEKERTI sebagai dana bagi melaksanakan dan menguruskan program Barakah Pit Stop ini demi manfaat golongan pekerja ekonomi gig di sekitar ibu kota. Selain pelancaran ruang rehat tersebut, para rider yang hadir turut disantuni dengan penyampaian saguhati tunai serta agihan makanan berbuka puasa. Inisiatif hasil kolaborasi MAIWP dan NGO PEKERTI ini diharapkan dapat mendekatkan institusi zakat dengan masyarakat serta membuktikan keprihatinan pihak berkuasa agama dalam menyalurkan bantuan terus kepada golongan sasar yang gigih mencari rezeki.

25 DAN 26 APRIL 2026

PEMBUKAAN KELAS AKADEMI AL-QURAN WILAYAH PERSEKUTUAN (AQWA) SESI 1, 2026



Akademi Al-Quran Wilayah Persekutuan (AQWA) tahun 2026 yang berlangsung pada 25 dan 26 April (Sabtu & Ahad) bertempat di Perpustakaan Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program AQWA kali ini dibimbing oleh Murabbi yang tidak asing lagi, Al-Fadhil Ustaz Radzi Kamarul Hailan, Johan Qori Antarabangsa. Kehadiran beliau telah memberikan inspirasi serta bimbingan yang sangat bermakna buat para peserta dalam mendalami ilmu taranum dan tajwid dengan lebih tepat. Sesi pengajian dibahagikan kepada dua kategori: Sabtu: Fokus kepada golongan Dewasa. Ahad: Fokus kepada golongan Remaja. Kelihatan para peserta daripada pelbagai latar belakang usia begitu tekun dan bersemangat mengikuti setiap modul yang disampaikan. Inisiatif AQWA ini merupakan salah satu usaha berterusan pihak masjid untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja cintakan Al-Quran, malah mahir dalam bacaan serta penghayatannya. Semoga segala ilmu yang dicurahkan oleh Murabbi dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta dan menjadi pemangkin kepada pembudayaan Al-Quran dalam kehidupan seharian.

8 APRIL 2026

MAJLIS MAHABBAH AIDILFITRI MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN











Suasana meriah dengan persiapan menyambut Majlis Mahabbah Aidilfitri jelas kelihatan di pekarangan Anjung A, Masjid Wilayah Persekutuan hari ini. Kelihatan para petugas sedang giat mengatur kerusi meja serta mendirikan khemah-khemah yang dihias indah bagi memastikan kelancaran majlis yang bakal berlangsung tidak lama lagi. Majlis Mahabbah Aidilfitri Masjid Wilayah Persekutuan diadakan pada hari Rabu, bermula jam 10.30 pagi di pekarangan Anjung A. Majlis ini bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim serta meraikan kegembiraan Aidilfitri bersama jemaah dan komuniti setempat. Pelbagai juadah Aidilfitri yang lazat dan menyelerakan telah disediakan untuk dinikmati oleh para pengunjung.











14 MEI 2026
LAWATAN TINJAUAN KERJA PEMULIHAN KEBOCORAN MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN






Masjid Wilayah Persekutuan telah menerima kunjungan lawatan turun padang daripada YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (KKR). Lawatan kerja ini bertujuan untuk meninjau secara dekat perkembangan kerja-kerja pemulihan susulan insiden kebocoran di ruang solat utama baru-baru ini. Siasatan teknikal oleh pihak JKR WPKL mendapati punca kebocoran disebabkan oleh sistem saliran kubah (Rainwater Downpipe - RWDP) yang terganggu akibat halangan serpihan jubin ketika cuaca ekstrem. Tindakan pantas telah diambil melalui kerja-kerja pembersihan serta pembaikan saluran air, membolehkan ruang solat utama kini dibuka semula sepenuhnya untuk kegunaan jemaah. Seterusnya, kerja-kerja pembaikan menyeluruh oleh pihak JKR sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada 11 Jun 2026, sekali gus mencerminkan komitmen tinggi agensi terlibat dalam memastikan keselamatan dan keselesaan jemaah sentiasa diutamakan.

18 MEI 2026
MAJLIS IFTAR PUASA SUNAT BULAN ZULHIJJAH





Sempena memasuki bulan Zulhijjah 1447H pada 18 Mei 2026 (Isnin), Masjid Wilayah Persekutuan telah menyediakan kemudahan berbuka puasa bagi menyantuni para jemaah yang menunaikan ibadah puasa sunat. Majlis iftar yang berlangsung di perkarangan ruang legar masjid tersebut berjalan dengan lancar dalam suasana penuh tertib dan harmoni. Kehadiran para jemaah yang meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama ini bukan sahaja mengimarahkan lagi kawasan masjid, malah berjaya memperkukuh ikatan silaturahim serta menyemarakkan syiar Islam pada hari-hari awal Zulhijjah yang penuh keberkatan ini.

24 MEI 2026
PROGRAM SELAWAT & MUNAJAT MWPKL





Masjid Wilayah Persekutuan telah menganjurkan program Selawat & Munajat Perdana yang dipimpin oleh Al-Fadhil Ustaz Ahmad Syawal. Pengisian program kerohanian ini bertujuan untuk mengajak para jemaah membasahi lidah dengan zikir dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sekali gus menghidupkan jiwa dengan rasa cinta serta pengharapan yang mendalam kepada Allah SWT. Kehadiran para jemaah yang memenuhi dewan solat mencerminkan kesungguhan masyarakat dalam mengimarahkan pengisian ilmu di masjid, selain menjadi platform penyatuan ummah melalui aktiviti zikir dan doa bermunajat secara berjemaah

25 MEI 2026
PERSIAPAN DAN PENGURUSAN IBADAH KORBAN





Bagi menyambut kedatangan Hari Raya Aidiladha, pihak Masjid Wilayah Persekutuan telah melaksanakan gerak kerja awal dan persiapan rapi bagi menjayakan program ibadah korban. Inisiatif tahunan ini dianjurkan bagi membuka peluang kepada para kariah dan umat Islam setempat untuk melaksanakan ibadah qurban sebagai tanda kesyukuran, ketaatan, dan penzahiran rasa taqwa kepada Allah SWT. Segala aspek logistik, pengurusan agihan, dan penyelarasan tenaga kerja sukarelawan mula diatur secara sistematik bagi memastikan kelancaran proses sembelihan sehinggalah kepada agihan daging korban kepada golongan yang layak secara tertib dan efisien.

26 MEI 2026
PROGRAM PELAKSANAAN IBADAH QURBAN 1447H








Pada 26 Mei 2026 (Selasa), Masjid Wilayah Persekutuan telah melaksanakan Program Ibadah Qurban bagi tahun 1447H yang berlangsung dengan penuh meriah di perkarangan parkir Anjung A. Sejumlah 10 ekor lembu telah berjaya disembelih sejurus selesai solat sunat Aidiladha, di mana urusan penyembelihan tersebut dilaksanakan dengan penuh tertib oleh barisan pegawai agama masjid iaitu Al-Fadhil Ustaz Mohamad Afandi bin Che Harun (Imam Kanan), Ustaz Mohd Fadhil bin Abdullah (Pembantu Imam), dan Ustaz Anas Masud (Bilal). Program ini telah dijayakan secara gotong-royong menerusi gabungan mantap kakitangan masjid, ahli Sahabat Masjid, jemaah, serta sukarelawan tempatan yang memamerkan semangat kerjasama tinggi bermula dari proses melapah, menimbang, sehinggalah urusan pembungkusan. Seterusnya, daging korban telah diagihkan secara sistematik kepada para peserta, petugas, golongan asnaf, serta masyarakat sekitar bagi meringankan beban serta menyebarkan kegembiraan selaras dengan tuntutan syiar ibadah qurban.

3 - 5 JUN 2026
BENGKEL SEMAKAN MODUL KELAS PENGAJIAN BESTARI 2026






Unit Pengajian & Pendidikan Masjid Wilayah Persekutuan telah berjaya menganjurkan Bengkel Semakan Modul Kelas Pengajian Bestari yang berlangsung selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Jun 2026 bertempat di Holiday Villa Beach Resort & Spa, Cherating, Pahang. Bengkel intensif ini telah menghimpunkan barisan panel pakar dan urusetia yang dilantik bagi menggalas tanggungjawab menyemak, menambah baik, serta memantapkan keseluruhan kandungan modul pengajian sedia ada. Langkah intervensi ini diambil bagi memastikan silibus yang bakal digunakan adalah lebih tersusun, relevan, dan berkesan dalam menyampaikan ilmu keagamaan kepada para jemaah. Hasil daripada bengkel ini diharapkan dapat melahirkan sebuah modul rujukan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat tinggi, sekali gus menyokong hasrat melahirkan komuniti masyarakat yang berilmu serta beriman.

6 - 7 JUN 2026
PROGRAM AKADEMI AL-QURAN WILAYAH PERSEKUTUAN (AQWA)





Masjid Wilayah Persekutuan telah melaksanakan Program Akademi Al-Quran Wilayah Persekutuan (AQWA) pada 6 dan 7 Jun 2026 di Perpustakaan Masjid dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Program yang dikendalikan oleh Ustaz Cha Yahaya Daud ini mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta dewasa dan remaja yang mengikuti latihan intensif peningkatan kemahiran Tarannum Al-Quran. Selain memperkemas mutu bacaan, program bersiri ini juga menjadi platform persediaan untuk mencungkil bakat peserta yang berpotensi bagi mewakili Wilayah Persekutuan ke peringkat pertandingan. Pihak pengurusan merakamkan penghargaan kepada semua pihak terlibat dan berharap inisiatif ini dapat melahirkan pelapis qari serta qariah yang cemerlang.

9 - 10 JUN 2026
MAJLIS PENGAJIAN AKBAR KITAB MINHAJ AL-ABIDIN






Pada 9 dan 10 Jun 2026, Masjid Wilayah Persekutuan telah menganjurkan Majlis Pengajian Akbar Kitab Minhaj Al-Abidin bertempat di Dewan Serbaguna. Majlis ilmu bersiri ini telah dipimpin oleh ulama jemputan, Tuan Guru Haji Ghazali bin Ahmad Al-Fathani (Baba Li Sekam). Program kerohanian ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan kehadiran penuh para jemaah yang hadir bagi mendalami isi kandungan kitab tasawuf tersebut, sekali gus memantapkan lagi peranan masjid sebagai pusat penyebaran ilmu dan hub pembentukan sahsiah ummah.

12 - 14 JUN 2026

PROGRAM ZIARAH MAHABBAH PERKAMPUNGAN ORANG ASLI KUALA MU, PERAK










Pada 12 hingga 14 Jun 2026, Masjid Wilayah Persekutuan telah berjaya menganjurkan Program Ziarah Mahabbah Kuala Mu 2026 bertempat di Pos Kuala Mu, Sungai Siput, Perak. Misi kebajikan merentas pedalaman ini bertujuan untuk menyantuni serta mengeratkan ukhuwah bersama komuniti masyarakat Orang Asli menerusi pelbagai pengisian interaktif termasuk program motivasi pelajar, perlawanan bola sepak persahabatan, Sukaneka Madani, Kenduri Rakyat, serta edaran bakul makanan menerusi sesi Ziarah Kasih ke rumah keluarga asnaf. Program berskala besar ini turut mendapat sokongan padu daripada pelbagai agensi dan rakan strategik seperti JAKOA, Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Yayasan Taqwa, McDonald's Malaysia, 99 Speedmart, Yayasan VFive, barisan sukarelawan, serta kepimpinan Tok Batin setempat. Keberhasilan program ini bukan sahaja berjaya menyalurkan bantuan kebajikan kepada golongan yang memerlukan, malah menjadi manifestasi solidariti sosial dalam merapatkan jurang hubungan serta menyemarakkan nilai kasih sayang antara masyarakat bandar dan komuniti pedalaman.



Jurunikah

Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Us.Zakariah b. Yahya
019-3808685



Tn.Hj. Jamal b. Abd Halim
019-5644266



Us.Mohd Fadil b. Abdullah
019-9616179

Kadar Bayaran

JURUNIKAH RM150 | SAKSI NIKAH RM50 SEORANG



Dewan Pernikahan

RM200 | 30 MINIT

MAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA SEWAAN DEWAN BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA PEMBAIKKAN BERMULA BULAN JULAI HINGGA DISEMBER 2026

KADAR SEWA DEWAN-DEWAN JAMUAN
MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Dewan Jamuan Muslimat *200 pax*





RM3,000.00

RM3,500.00





Dewan Jamuan Muslimin *400 pax*

**Kadar sewa adalah termasuk kerusi dan meja.*
**Tempahan jamuan hanya dari senarai syarikat katering yang berdaftar dengan Masjid Wilayah Persekutuan sahaja.*
**Waktu penggunaan adalah pada 8.00 pagi hingga 5.00 petang.*
**Penyewa perlu mematuhi lain-lain peraturan yang telah ditetapkan.*